

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI SALAHUDDIN BIN AYUB  
[ PULAI ]**

**TARIKH : 24 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK SERI HAJI SALAHUDDIN BIN AYUB [PULAI]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah terdapat kemungkinan ujian klinikal COVID-19 melalui swab tercemar semasa sampel diambil seterusnya menghasilkan keputusan "*false positive*" terhadap pesakit.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Ujian *Reverse Transcription - Polymerase Chain Reaction (RT-PCR)* adalah ujian kualitatif untuk mengesan asid nukleik dari SARS-CoV-2 (COVID-19) pada spesimen pernafasan atas dan bawah (seperti sapuan nasofaring atau orofaring, kahak, aspirasi saluran pernafasan bawah, lavage bronchoalveolar, dan aspirasi nasofaring) yang diambil daripada individu yang disyaki COVID-19 atau dari individu tanpa gejala tetapi mempunyai kaitan risiko atau sebab lain untuk mengesyaki jangkitan COVID-19.
  
2. RT-PCR melibatkan teknik ujian molekular dan amplifikasi virus yang mana jangkitan COVID-19 boleh dikesan walaupun dengan jumlah *viral copies* yang rendah. **Ujian RT-PCR bagi COVID-19 mempunyai sensitivity dan specificity hampir 100% dan merupakan ujian gold standard bagi COVID-19.**

3. Ujian RT-PCR dan RTK Ag bagi COVID-19 juga bergantung kepada tahap kompetensi anggota dari segi teknik pengambilan sampel yang betul, penyimpanan sampel dalam suhu yang tepat semasa penghantaran sampel ke makmal serta kemudahan fasiliti makmal yang baik bagi memberikan interpretasi keputusan yang tepat.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Tahap kompetensi di kalangan anggota KKM sentiasa berada di tahap yang terbaik. Beberapa sesi latihan kepada petugas telah dijalankan sama ada di lapangan dan di dalam makmal bagi memastikan teknik pengambilan sampel, penyimpanan & penghantaran sampel serta pengujian sampel di makmal memenuhi *Standard Operating Procedure* yang dinyatakan di dalam Garis Panduan Pengurusan COVID-19 di Malaysia No.5/2020.

5. Sesi latihan yang dijalankan ini mampu mengurangkan risiko kemungkinan cross contamination terhadap sampel yang diambil atau yang sedang diuji yang memungkinkan penghasilan kepada keputusan *false positive* ujian berkenaan.

Sekian, terima kasih.